KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 1

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## APAKAH DEFINISI SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)?

Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) adalah sebuah syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 (AS'2016) berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- Tidak mempunyai modal saham tetapi sebaliknya dijamin oleh ahli-ahli (*members*) yang bersetuju untuk membayar suatu jumlah yang tetap sekiranya syarikat tersebut dibubarkan.
- Penubuhan syarikat adalah tidak berorientasikan keuntungan, di mana keuntungan syarikat tidak boleh disalurkan kepada ahli-ahli syarikat, contohnya melalui bayaran dividen.
- Secara amnya, SBMJ boleh menjalankan aktiviti yang dibenarkan di bawah seksyen 45(1) Akta Syarikat 2016.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 2

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## APAKAH OBJEKTIF PENUBUHAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)?

Objektif penubuhan SBMJ melibatkan :

- MENYEDIAKAN REKREASI ATAU HIBURAN
- MENGGALAKKAN SENI
- MENGGALAKKAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
- MENGGALAKKAN SAINS
- MENGGALAKKAN AGAMA
- MENGGALAKKAN KEBAJIKAN
- MENGGALAKKAN SKIM PENCEN ATAU PERSARAAN
- MENGGALAKKAN APA-APA TUJUAN LAIN YANG BERMANFAAT KEPADA MASYARAKAT ATAU NEGARA SEPERTI ALAM SEKITAR, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PENYELIDIKAN, SOSIAL DAN SUKAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
**SIRI 3**

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## APAKAH JENIS SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)?

**Terdapat dua (2) jenis SBMJ di bawah Akta Syarikat 2016 :**

- **SBMJ dengan perkataan "Berhad"/ "Bhd" di akhir nama syarikat, contohnya Yayasan ABC Berhad**
- **SBMJ tanpa perkataan "Berhad"/ "Bhd" di akhir nama syarikat, contohnya Yayasan DEF**

03-77214000 enquiry@ssm.com.my www.ssm.com.my
SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
**SIRI 4**

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## BERAPAKAH FI UNTUK MEMPERBADANKAN SBMJ?

- Fi Carian Nama RM50
- Fi Kelulusan YB Menteri RM700
- Fi Kelulusan Pendaftar RM500
- Fi Pendaftaran RM3,000


03-77214000 enquiry@ssm.com.my www.ssm.com.my

SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 5

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## ADAKAH SBMJ MEMPUNYAI MODAL BERBAYAR?

**SBMJ merupakan syarikat awam dan tidak mempunyai modal berbayar. Dana SBMJ diperolehi melalui sumbangan orang awam. Walau bagaimanapun, dana permulaan sebanyak RM1 juta adalah syarat utama untuk menubuhkan SBMJ tanpa perkataan "Berhad" atau "Bhd".**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 6

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## BOLEHKAH SBMJ MENJALANKAN AKTIVITI ATAU OBJEK LAIN YANG TIDAK DISENARAIKAN DI BAWAH SEKSYEN 45 AKTA SYARIKAT 2016?

**Tidak, SBMJ yang diperbadankan hendaklah menjalankan aktiviti atau objek seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 45(1) Akta Syarikat 2016 dan Perenggan 5 Garis Panduan SBMJ.**

03-77214000 | enquiry@ssm.com.my | www.ssm.com.my | SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 7

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## Bagaimanakah sesebuah SBMJ yang mempunyai perkataan “Berhad” atau “Bhd” pada namanya ingin menggugurkan perkataan tersebut?

**Pengguguran perkataan “Berhad” atau “Bhd” pada nama SBMJ boleh dibuat dengan mengemukakan permohonan di bawah Seksyen 45 Akta Syarikat 2016 beserta dokumen-dokumen seperti di Senarai Semak 1A Garis Panduan SBMJ.**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 8

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



**Bolehkah seorang bukan warganegara Malaysia dilantik sebagai pengarah atau pemegang amanah SBMJ?**

**Seorang bukan warganegara boleh menjadi pengarah SBMJ dengan syarat mereka mempunyai alamat kediaman di Malaysia.**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 9

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## Adakah terdapat sebarang larangan yang diperlu dipatuhi oleh pengarah SBMJ?

- SBMJ hendaklah mendapat kelulusan Pendaftar terlebih dahulu bagi perkara-perkara berikut:

  (i) Pelantikan pengarah-pengarah baru;

  (ii) Membuat pindaan ke atas perlembagaan syarikat;

  (iii) Membayar sebarang yuran, gaji dan elaun tetap atau apa-apa faedah kepada pengarahnya; dan

  (iv) Meminta sebarang sumbangan, derma atau membuat kutipan wang dari orang awam;

- Memastikan tiada ahli atau pengarahnya menggunakan syarikat tersebut atau sumber kewangannya untuk menjalankan aktiviti politik;
- Tidak menggunakan keuntungan dan lain-lain pendapatannya selain daripada tujuan yang dinyatakan didalam objek syarikat.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 10

# SIRI PENDIDIKAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)



## DI MANAKAH MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKAITAN SBMJ BOLEH DIPEROLEHI?

**Orang awam boleh merujuk kepada pautan berikut untuk mendapatkan :**

- **Senarai Syarikat Menurut Jaminan Dengan Perkataan 'BERHAD'**
- **Senarai Syarikat Menurut Jaminan Tanpa Perkataan 'BERHAD'**
- **Senarai Syarikat Berhad Menurut Jaminan Yang Mendapat Kebenaran Untuk Membuat Kutipan Sumbangan**
- **Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)**




03-77214000
enquiry@ssm.com.my
www.ssm.com.my
SSMOFFICIALPAGE